

14/02/2001

Tenaga pengajar tonggak sistem pendidikan

GOMBAK, Selasa - Kejayaan sistem pendidikan bagi melahirkan generasi yang beretika dan berakhlak bergantung kepada keupayaan tenaga pengajar menghubungkan fakta serta prinsip yang diajar dengan amalan kehidupan.

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Disiplin) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Dr Sidek Baba berkata, tenaga pengajar sama ada di sekolah mahupun universiti tidak boleh mengehendkan pengajaran kepada penyampaian fakta dan prinsip semata-mata.

Beliau berkata, pendekatan sedemikian hanya dapat menyampaikan maklumat kepada pelajar tetapi gagal mendorong mereka melakukan perubahan mental dan sikap.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan penilaian semula dilakukan terhadap pendekatan pengajaran, sistem latihan tenaga pengajar serta kurikulum persekolahan dan universiti supaya berkesan melahirkan pelajar beretika dan berakhlak.

"Pada peringkat sekolah, kita sudah mempunyai subjek Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral, manakala di universiti ada subjek seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia.

"Bagaimanapun, kebanyakan guru dan pensyarah ketika ini menggunakan pendekatan ritual dengan mengajarkan fakta dan prinsip semata-mata," katanya kepada Berita Harian.

Beliau berkata demikian ketika mengulas saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kod etika dan moral diperkenalkan dalam sistem pendidikan sejagat serta dijadikan subjek wajib untuk mengelak penyalahgunaan ilmu dan maklumat.

Dr Sidek berkata, saranan Perdana Menteri itu memang kena pada masanya ketika seluruh dunia dilanda arus globalisasi yang menghapuskan semua sempadan budaya dan moral.

Beliau berkata, penekanan terhadap kod etika dan moral boleh memandu manusia menggunakan ilmu yang dipelajari serta maklumat yang diperolehi untuk tujuan kebaikan sejagat.

"Sebab itu kita perlu menilai semula sistem latihan perguruan dan pensyarah, serta kurikulum peringkat sekolah dan universiti.

"Selain menerusi subjek khusus sedemikian, penekanan terhadap moral dan etika juga boleh dilakukan menerusi subjek lain tetapi pendekatan yang digunakan sekarang mesti dikaji semula," katanya.

Selain itu, beliau menyarankan subjek falsafah setiap bidang pengajian patut diperkenalkan di universiti dan dijadikan subjek wajib kepada pelajar dalam bidang berkaitan.

Menerusi subjek falsafah, katanya, pelajar dapat didedahkan mengenai hala tuju bidang pengajian yang akan dipelajari mereka.

(END)